

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 JULAI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

Sambut baik perkasakan pendapatan dalam Ekonomi Madani

Sambut baik perkasakan pendapatan dalam Ekonomi Madani



Agihan pendapatan yang lebih saksama terutama untuk pekerja dan upah akan memberikan manfaat kepada kesemuanya.

KUALA LUMPUR - Maybank Investment Bank Bhd menyambut baik tumpuan Ekonomi Madani terhadap isu-isu penting seperti tadbir urus, pendidikan dan juga rasuah.

Ketua Penyelidikan Ekuitinya, Anand Pathmakanthan berkata, konsep Ekonomi Madani tidak hanya menyentuh aspek pertumbuhan, malah turut memberi penekanan dari segi agihan pendapatan.

Menurutnya, mempunyai agihan pendapatan yang lebih saksama terutamanya untuk pekerja dan upah akan memberikan manfaat kepada kesemuanya.

"Inilah asas ekonomi yang baik kerana memiliki ekonomi lebih berpacuan penggunaan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa webinar Prospek Pasaran Ekuiti Runcit bagi Separuh Kedua 2023 pada Sabtu.

Menurut Anand, negara seperti Indonesia dan Filipina mempunyai tarikan kepada golongan pelabur asing berikutan penggunaan dalaman yang besar.

"Kita boleh menghasilkan



ANAND

penggunaan sedemikian di Malaysia sekiranya terdapat agihan pulangan yang sama antara modal dan buruh.

"Saya berpandangan kerajaan mempunyai kuasa untuk membuat keputusan ini.

"Menerusi pelaksanaan kerangka

itu, diharap kita berupaya mencapai sasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 5.5 hingga 6.0 peratus seperti disasarkan dalam kerangka modaliti berkenaan," katanya.

- Bernama